



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	06 FEBRUARY 2017

Mahathir takut- takutkan Melayu

UM
-6/2/2017

JOHOR BAHRU 5

Feb. - Dakwaan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir bahawa projek pembangunan Forest City kononnya akan membawa masuk 700,000 warga China hanya bertujuan untuk menakut-nakutkan rakyat negeri ini khususnya orang Melayu.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, 'serangan' Dr. Mahathir itu hanya mainan politik bagi membangkitkan kemarahan orang Melayu terhadap kerajaan negeri sedia ada memandangkan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) dijangka tidak lama lagi.

Katanya, projek pembangunan mega itu yang melibatkan pelaburan sebanyak RM442.8 bilion (USD 100 bilion) adalah projek kerajaan negeri yang bukan 100 peratus dimiliki pelabur China.

"Sebanyak 42 peratus kepentingan projek Forest City terdiri daripada pegangan tempatan termasuk kerajaan negeri manakala selebihnya dimiliki syarikat dari China. Lagipun, projek itu makan masa 30 tahun, mana mungkin ada 700,000 orang Cina dari China di Johor sekarang ini, apatah lagi memberi kerakyatan kepada mereka.

"Apa hendak ditakutkan kerana pembangunan itu dilakukan di atas pulau bersaiz 0.1 peratus daripada keluasan negeri ini. Sekurang-kurangnya orang asing akan membeli rumah di pulau dan takkan usik rumah-rumah di atas darat yang kerajaan negeri tetapkan had kepada 20 peratus pembelian hartanah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Rumah Terbuka sempena Tahun Baharu Cina anjuran Parti Gerakan Negeri Johor, di sini hari ini.